



MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN, PESEKITARAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JPKPKP)
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MEKANIKAL (FKTM)
BIL.2-2023

Tarikh : 3 March 2023 (Rabu)
Masa : 10:00 pg – 1:00 ptg
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, FKTM A

Agenda:

1. Kata aluan pengerusi JPKPKP FKTM
2. Pembentangan minit mesyuarat JPKPKP FKTM 1/2023
3. Senarai semak pemeriksaan penilaian tempat kerja 2/2023
4. Rumusan lawatan makmal FKTM susulan pemeriksaan penilaian tempat kerja 2/2023
5. Kursus-kursus kompetensi 2023
6. Pelaporan status program pemeriksaan kesihatan
7. Pelaporan status pemasangan CCTV di UniCITI
8. Pembentangan fungsi-fungsi JPKPKP FKTM
9. Pelaporan status tanda-tanda risiko keselamatan
10. Persediaan audit dalaman 2023
11. Usul-usul pekerja untuk mesyuarat JPKPKP FKTM 2/2023
12. Pembentangan status terkini dan perancangan 2023 oleh penyelaras pengurusan bahan kimia FKTM
13. Pembentangan status terkini dan perancangan 2023 oleh penyelaras-penyelaras buangan terjadual FKTM
14. Pembentangan status terkini dan perancangan 2023 oleh penyelaras keselamatan mekanikal FKTM
15. Pembentangan status terkini dan perancangan 2023 oleh penyelaras pasukan tindak balas kecemasan FKTM
16. Hal-hal berbangkit
17. Penutup oleh pengerusi JPKPKP FKTM

Senarai kehadiran ahli JPKPKP-FKTM

BIL	NAMA	KEHADIRAN	
1	Prof. Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid	Hadir	2/2
2	Ts. Dr. Syamir Alihan Showkat Ali	Tidak hadir dengan sebab	1/2
3	Ts. Dr. Tan Wee Choon	Hadir	2/2
4	En. Hasrul Nizam Halim	Tidak hadir dengan sebab	1/2
5	Ts. Dr. Nor Zaiazmin Yahya	Hadir	1/2
6	En. Masri Zairi Mohd Zin	Hadir	2/2
7	En. Muhamad Qauyum Zawawi Ahmad Suffin	Hadir	2/2
8	Ts. Muhammad Khairy Md Naim	Hadir	2/2
9	Tc. Narzrezal Abdul Razak	Tidak hadir dengan sebab	1/2
10	En. Rosiswardi Rusli	Hadir	2/2
11	En. Norzarul Asri Kamis	Hadir	1/2
12	Ts. Dr. Mohd Zamzuri Mohammad Zain	Hadir	1/1
13	Dr. Lee Yit Leng	Tidak hadir dengan sebab	0/1
14	Ts. Dr. Tan Chye Lih	Hadir	1/1
15	Ts. Liyana Jamaludin	Tidak hadir dengan sebab	0/1

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1	<p><i>Kata aluan pengerusi JPKPKP-FKTM</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Mengucapkan selamat pagi dan mengalu-alukan kedatangan semua yang hadir. Keperluannya mesyuarat JPKPKP FKTM sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) UniMAP Berlakunya kes pelajar jatuh dari di kolej kediaman. Risiko keselamatan perlu perhatian semua warga dan ambil tindakan untuk mencegah kes yang sama berulang. 	- - -
2	<p><i>Pembentangan minit mesyuarat JPKPKP FKTM 1/2023</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Ts. Dr. Tan Wee Choon membentangkan minit mesyuarat JPKPKP FKTM 1/2023. Ts. Dr. Nor Zaiazmin Yahya menyatakan bahawa keperluan untuk melampirkan bukti kehadiran bersama dengan minit mesyuarat susulan daripada audit yang lepas. Setiausaha akan melampirkan bukti kehadiran bersama dengan minit mesyuarat. 	- Setiausaha

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> Minit mesyuarat telah diluluskan. Pencadang : En. Masri Zairi Mohd Zin. Penyokong : En. Rosiswardi Rusli. 	<p>-</p> <p>-</p>
3	<p><i>Senarai semak pemeriksaan penilaian tempat kerja 2/2023</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Pemeriksaan penilaian di tempat kerja bil. 2/2023 melibatkan 15 makmal di FKTM A, 8 makmal di FKTM B dan 19 makmal di FKTM C. Ia bertujuan untuk mewujudkan persefahaman di kalangan pembantu-pembantu jurutera yang ditugaskan di bengkel/makmal di FKTM. Selain itu, ia juga merupakan siasatan terhadap dapatan semasa pemeriksaan penilaian di tempat kerja bil. 1/2023 yang berlaku di Februari 2023. 	<p>-</p> <p>-</p>
4	<p><i>Rumusan lawatan makmal FKTM susulan pemeriksaan penilaian tempat kerja 22023</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Satu sistem rumusan terhadap dapatan pemeriksaan penilaian di tempat kerja diperkenalkan – Sistem Tahap. Sistem Tahap ini mempunyai 6 tahap secara keseluruhan. Ia berdasarkan kepada jawapan-jawapan yang dinilai sebagai status amaran kepada tahap pengurusan keselamatan, persekitaran dan kesihatan pekerjaan di FKTM. Contohnya soalan 1.1 – Adakah polisi KKP UniMAP dipamerkan, sekiranya jawapan yang diterima adalah "Tidak", maka ia akan dipertimbangkan sebagai jawapan berstatus amaran. <ul style="list-style-type: none"> Tahap 6 : < 5 jawapan berstatus amaran Tahap 5 : < 10 jawapan berstatus amaran Tahap 4 : < 20 jawapan berstatus amaran Tahap 3 : < 30 jawapan berstatus amaran Tahap 2 : < 40 jawapan berstatus amaran Tahap 1 : ≥ 40 jawapan berstatus amaran FKTM A : 12/15 makmal berstatus Tahap 6, dan 3/15 makmal berstatus Tahap 5. FKTM B : 1/8 makmal berstatus Tahap 6, 5/8 makmal berstatus Tahap 5, dan 2/8 makmal berstatus Tahap 4. FKTM C : 17/19 makmal berstatus Tahap 5, dan 2/19 makmal berstatus Tahap 4. 37 makmal FKTM mengakui menghadapi risiko pencahayaan untuk soalan 3.4 – "Adakah pencahayaan di tempat kerja mencukupi?". Sebagai cadangan, JPKPKP FKTM akan membuat permohonan pengukuran pencahayaan kepada COSHE. Dekan mencadangkan untuk memperoleh alat pengukuran yang reliable untuk pengukuran pencahayaan sekiranya tidak mendatangkan bebanan kewangan kepada FKTM. Setiausaha diamanahkan untuk mendapatkan butiran alat pengukur pencahayaan yang digunapakai oleh COSHE dan melaporkan pada mesyuarat JPKPKP akan datang. 28 makmal FKTM mengakui menghadapi risiko pengudaraan untuk soalan 3.2 – "Adakah terdapat sistem ekzos dalaman di pasang untuk mengeluarkan gas berbahaya, wap, wasap dan habuk?". Akan tetapi, kebanyakan makmal-makmal ini telah dilengkapi dengan sistem pengudaraan. Sebagai cadangan, satu penambahbaikan dalaman terhadap semakan pemeriksaan penilaian di tempat kerja akan diperkenalkan oleh JPKPKP FKTM dan digunapakai untuk lawatan akan datang. 21 makmal FKTM mengakui tidak mempunyai prosedur kecemasan di soalan 9.1 – "Adakah terdapat prosedur kecemasan?". Sebagai cadangan, JPKPKP FKTM mencadangkan untuk menggerakkan mekanisme dalaman ERT FKTM C melalui Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Tindak Balas Kecemasan. 19 makmal FKTM mengakui tiada sistem pengesan kebakaran dan alat pengesan kebakaran di semua bilik dalam makmal untuk soalan-soalan 10.2 – "Adakah terdapat sistem pengesanan kebakaran?" dan 10.3 – "Adakah terdapat alat pengesanan kebakaran di semua bilik?". Berdasarkan garis panduan pengurusan pasukan tindak balas kecemasan OSHMS-01-09 semakan 3 yang dibangunkan oleh COSHE, ketua blok perlu membunyikan wisel sekiranya tiada sistem penggera kecemasan. Sebagai cadangan, satu penambahbaikan dalaman terhadap semakan pemeriksaan penilaian di tempat kerja akan diperkenalkan oleh JPKPKP FKTM dan digunapakai untuk lawatan akan datang. 	<p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>Setiausaha</p> <p>Setiausaha</p> <p>Setiausaha</p> <p>JPERT</p> <p>Setiausaha</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Didapati bahawa makmal-makmal C5 dan C7 menghadapi masalah pengudaraan dan tidak dilengkapi dengan sistem ekzos dalaman. Dicadangkan untuk dimasukkan sebagai cadangan usul ke Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) kali ke-57 Bil. 2/2023 UniMAP. • Turut didapati makmal-makmal B7 dan B8 menghadapi risiko keselamatan yang berkaitan dengan lantai. Kedua-dua makmal ini merupakan makmal-makmal komputer. Terdapat lubang-lubang di dalam makmal. Lubang-lubang ini turut menghasilkan habuk yang memberikan kesan negatif kepada peralatan komputer. Dicadangkan untuk dimasukkan sebagai cadangan usul ke Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) kali ke-57 Bil. 2/2023 UniMAP. 	<p>Setiausaha</p> <p>Setiausaha</p>
5	<p><i>Kursus-kursus kompetensi 2023</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pada mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 1/2023 yang lepas telah memutuskan untuk semua staf perlu mengambil semua kursus-kursus kompetensi yang dikemukakan oleh COSHE pada awal tahun 2023. • Semua staf FKTM perlu menduduki dan meluluskan diri untuk kursus-kursus e-module yang bertajuk <ul style="list-style-type: none"> i. Kursus Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko Dan Kawalan Risiko (HIRARC) ii. Kursus Induksi KKP di UniMAP iii. Kursus Keselamatan Bangunan <p>dari 11 September 2023 hingga 8 Oktober 2023</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ahli-ahli JPKPKP FKTM perlu menduduki dan meluluskan diri untuk kursus-kursus e-module yang berkaitan dengan fungsi dan peranan masing-masing <ul style="list-style-type: none"> i. Kursus Pengurusan Bahan Kimia (khas untuk ahli Jawatankuasa Pengurusan Bahan Kimia & Jawatankuasa Pengurusan Buangan Terjadual) ii. Kursus Pengenalan dan Kesedaran Keselamatan Mekanikal (khas untuk ahli Jawatankuasa Pengurusan Keselamatan Mekanikal) iii. Kursus Peranan dan Tanggungjawab Pasukan Bertindak Kecemasan (khas untuk ahli Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Tindak Balas Kecemasan) • Perbincangan antara setiausaha dengan Timbalan dekan (kebajikan pelajar dan alumni), Ts. Dr. Ayamir Alihan Showkat Ali untuk merancang kursus-kursus kompetensi yang diwajibkan kepada para pelajar FKTM iaitu kursus induksi KKP di UniMAP dan kursus keselamatan bangunan. 	<p>-</p> <p>Setiausaha</p> <p>JPBK & JPBT</p> <p>JKPM</p> <p>JPERT</p> <p>Timbalan Pengerusi & Setiausaha</p>
6	<p><i>Pelaporan status program pemeriksaan kesihatan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pada mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 1/2023, JPKPKP FKTM telah bersetuju untuk mengadakan satu program pemeriksaan kesihatan kepada semua staf FKTM sebagai aktiviti tahunan 2023. JPKPKP FKTM juga mengamanahkan Tc. Narzrezal Abdul Razak untuk berhubung dengan wakil-wakil yang berkaitan. • Disebabkan Tc. Narzrezal Abdul Razak tidak dapat menghadiri diri ke mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 2/2023, maka tiada sebarang pelaporan status terhadap program pemeriksaan kesihatan ini. Maka diminta Tc. Narzrezal Abdul Razak untuk melaporkan status samada di WhatsApp atau mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 3/2023 yang akan datang. • Ts. Dr. Tan Wee Choon mengatakan bahawa Tc. Narzrezal Abdul Razak pernah memberitahu bahawa program ini akan digerakkan bersama dengan Kelab Kakitangan & Kebajikan FKTM (KENTAL). 	<p>-</p> <p>Tc. Narzrezal Abdul Razak</p> <p>-</p>
7	<p><i>Pelaporan status pemasangan CCTV di UniCITI</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pada mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 1/2023, dekan telah bersetuju untuk cubaan memasang CCTV wifi sebanyak 4 unit di makmal C1, C15 dan C16 susulan daripada usul yang dikemukakan oleh FKTM tidak dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) kali ke-56 Bil. 1/2023 UniMAP. Ahli-ahli JPKPKP FKTM telah bersetuju untuk memberi amanah kepada En. 	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>Muhammad Qauyum Zazawi Ahmad Suffin untuk mencadangkan jenis CCTV wifi yang bersesuaian dan lokasi pemasangan yang bersesuaian dalam makmal tersebut sebagai cubaan pemasangan CCTV untuk mengurangkan risiko keselamatan di makmal akibat daripada kekurangan pemantauan sepanjang masa.</p> <ul style="list-style-type: none"> Atas faktor tertentu, En. Muhammad Qauyum Zazawi Ahmad Suffin diminta untuk melaporkan status pada mesyuarat JPKPKP FKTM yang akan datang. 	<p>En. Muhammad Qauyum Zazawi Ahmad Suffin</p>
8	<p><i>Pembentangan fungsi-fungsi JPKPKP FKTM</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Setelah penstrukturan semula JPKPKP FKTM, Ts. Dr. Tan Wee Choon telah diamanahkan untuk memurnikan fungsi-fungsi dan peranan-peranan jawatankuasa-jawatankuasa serta ahli-ahli dalam JPKPKP FKTM. Akan disebabkan faktor masa, perkara ini tidak dapat dibentangkan dalam mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 1/2023. Fungsi-fungsi JPKPKP FKTM telah dipersetujui oleh semua ahli dengan sedikit perubahan. Pencadang : Ts. Dr. Nor Zaiazmin Yahya. Penyokong : Ts. Dr. Mohd Zamzuri Mohammad Zain. Atas faktor kekangan masa, peranan-peranan JPKPKP FKTM belum sempat selesai dibentangkan. Semua ahli JPKPKP dipohon untuk mengakses fail peranan-peranan JPKPKP FKTM yang akan dikongsikan oleh setiausaha dan memberikan komen atau penambahbaikan berdasarkan kesesuaian. 	<p>- - - Semua</p>
9	<p><i>Pelaporan status tanda-tanda risiko keselamatan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Ts. Dr. Syamir Alihan Showkat Ali mengemukakan usul untuk mewujudkan tanda-tanda risiko keselamatan di setiap makmal yang mempunyai risiko keselamatan yang memerlukan pematuhan penggunaan PPE pada mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 1/2023. Ts. Dr. Tan Wee Choon telah diamanahkan untuk mengenalpasti jenis-jenis tanda-tanda risiko keselamatan yang diperlukan. Berdasarkan kepada perbincangan dengan En. Norazam Bin Abdul Rashid, Pengarah COSHE. COSHE pernah mengeluarkan tatacara untuk penyediaan tanda-tanda risiko keselamatan. Antara yang perlu dipertimbangkan adalah saiz dan warna tanda-tanda keselamatan. Saiz tanda-tanda keselamatan perlu bersesuaian dengan lokasi letaknya tanda keselamatan agar ia mudah dikesan dan dibaca oleh sesiapa. Laman web COSHE versi sebelum ini pernah memberikan tatacara yang berkaitan dengan saiz, akan tetapi versi terkini tidak lagi menyediakan maklumat ini. <ul style="list-style-type: none"> i. Kod warna kuning memberi maksud hazard ii. Kod warna merah merupakan kod warna yang berkaitan dengan Jabatan Bomba iii. Kod warna hijau memberi maksud selamat iv. Kod warna biru memberi maksud wajib atau keperluan pematuhan Berdasarkan kepada lawatan ke makmal-makmal FKTM untuk tujuan pemeriksaan penilaian di tempat kerja bil. 2/2023, didapati bahawa FKTM A mempunyai template tanda-tanda risiko keselamatan yang dibangunkan semasa Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan atas inisiatif sendiri. Tanda-tanda keselamatan ini dicetak dalam bentuk banner dan diletakkan dalam kawasan makmal. Saiz adalah bersesuaian. Tetapi tanda-tanda keselamatan ini diletakkan dalam makmal. Selain itu, disebabkan oleh template yang sama, terdapat makmal yang tidak perlu patuh kepada penggunaan PPE tertentu. Didapati ada kekurangan PPE yang perlu digunapakai. 	<p>- - -</p>
10	<p><i>Persediaan audit dalaman 2023</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Audit dalaman oleh COSHE telah dijadualkan pada 23 Mei 2023 dalam perancangan induk 2023. Berdasarkan OSHMS-03-10 semakan 1 Tatacara Pemeriksaan Tempat Kerja, FKTM perlu melakukan pemeriksaan penilaian di tempat kerja. FKTM turut perlu 	<p>-</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>menyerahkan hasil pemeriksaan penilaian di tempat kerja kepada COSHE. Dicadangkan untuk menyerahkan hasil pemeriksaan penilaian di tempat kerja bil. 2/2023 untuk tujuan audit dalaman oleh COSHE.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pihak COSHE akan memaklumkan tarikh dan lokasi pemeriksaan kepada pengurus KKP 2 minggu sebelum audit. Pengesahan tarikh pemeriksaan akan dimaklumkan oleh COSHE seminggu sebelum audit. Ts. Dr. Tan Wee Choon akan memaklumkan tarikh dan lokasi pemeriksaan yang sebenar melalui WhatsApp kepada semua ahli selepas dimaklumkan oleh pihak COSHE. • Wakil-wakil PLV Pauh dan UniCITI dipohon untuk memperingati ketua-ketua zon untuk <ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan makmal/bengkel FKTM berada dalam keadaan tersedia. ii. Melengkapkan info-info yang perlu dipaparkan dalam makmal/bengkel. iii. Memastikan hanya polisi keselamatan terbaharu yang disediakan. iv. Buku-buku log dan maintenance adalah dikemaskini. v. Dokumen-dokumen di MyLink dikemaskini terutamanya buku-buku log dan maintenance. 	<p>Setiausaha</p> <p>Setiausaha</p> <p>En. Masri Zairi Mohd Zin & En. Muhamad Qauyum Zawawi Ahmad Suffin</p>
11	<p><i>Usul-usul pekerja untuk mesyuarat JPKPKP FKTM 2/2023</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada sebarang usul yang dikemukakan melalui kod QR yang terdapat di poster atau laman web JPKPKP FKTM. • Tiada sebarang usul yang dikemukakan melalui wakil-wakil pekerja di JPKPKP FKTM. • Mohon wakil-wakil pekerja untuk mempromosi mekanisme yang sedia ada kepada semua staf FKTM. Sebarang usul yang diterima akan dibincangkan dalam mesyuarat JPKPKP FKTM. 	<p>-</p> <p>-</p> <p>Wakil-wakil pekerja JKKP</p>
12	<p><i>Pembentangan status terkini dan perancangan2023 oleh penyelarar pengurusan bahan kimia FKTM</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Taklimat penggunaan bahan kimia telah diberikan kepada para pelajar FYP program-program kejuruteraan dalam semester 2 22/23. Akan tetapi, Ts. Dr. Mohd Zamzuri Mohammad Zain telah diminta untuk memperluaskan skop kepada para pelajar FYP program-program teknologi kejuruteraan dan pendedahan kepada para pelajar FYP program-program teknologi sekiranya dirasanya perlu. • Ts. Dr. Mohd Zamzuri Mohammad Zain menyatakan bahawa buat masa ini masih tiada perancangan khursus untuk audit bahan kimia di peringkat FKTM. Ts. Dr. Mohd Zamzuri Mohammad Zain telah diminta untuk berbincang dengan ahli-ahli jawatankuasa pengurusan bahan kimia dan membentangkan perancangan audit bahan kimia pada mesyuarat JPKPKP FKTM yang akan datang. • Ts. Dr. Mohd Zamzuri Mohammad Zain memaklumkan bahawa buat masa sekarang tiada sebarang perkara dari jawatankuasa pengurusan bahan kimia yang memerlukan perhatian JPKPKP. • Tiada sebarang keperluan perolehan berdasarkan cadangan jawatankuasa pengurusan bahan kimia. Ts. Dr. Mohd Zamzuri Mohammad Zain diminta untuk mempertimbangkan keperluan penambahan kabinet-kabinet penyimpanan bahan kimia dan melaporkan pada mesyuarat JPKPKP akan datang. • Semua ahli jawatankuasa pengurusan bahan kimia diminta untuk menyimpan semua dokumen yang berkaitan dengan jawatankuasa pengurusan bahan kimia dalam google drive JPKPKP. 	<p>JPBK</p> <p>JPBK</p> <p>-</p> <p>JPBK</p> <p>JPBK</p>
13	<p><i>Pembentangan status terkini dan perancangan 2023 oleh penyelarar-penyelarar pengurusan buangan terjadual FKTM</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • En. Masri Zairi Mohd Zin melaporkan status terkini pengurusan buangan terjadual di Kampus Pauh dan mewakili Ts. Liyana Jamaludin untuk pelaporan di kampus UniCITI. • Pada bulan March, terdapat permohonan 4 tong Carboy 30L untuk pelupusan bahan kimia makmal FKTM C1 dan FKTM C11. 	<p>-</p> <p>-</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Pada bulan April, terdapat permohonan 4 tong Carboy 30L untuk pelupusan biodiesel (SW305 : Spent lubricating oil) di FKTM A16. Akan tetapi, proses pelupusan masih tertangguh akibat daripada kehabisan stok tong Carboy 30L di stor COSHE. • Berdasarkan rokod inventori bulanan (jadual kelima) pada April 2023, FKTM A dan FKTM B mempunyai sebanyak 91 kg SW 305 (Spent lubricating oil), 5.25 kg SW 409 (Disposed containers, bags or equipment contaminated with chemical, pesticides, mineral oil or scheduled wastes), 34.8 kg SW 421 (A mixture of schedule wastes). Manakala FKTM C mempunyai 30 kg SW 421 (A mixture of schedule wastes) yang masih belum dilupuskan. Simpanan ini masih disimpan dalam stor buangan terjadual FKTM sehingga tarikh program pelupusan ditetapkan oleh pihak COSHE. • Mesyuarat bersama staf teknikal FKTM A telah dilakukan pada 17 April 2023 di makmal FKTM A5. Disebabkan tiada sebarang rekod minit atau laporan, penyelarasan buangan terjadual diminta untuk menyediakan minit mesyuarat atau laporan pada aktiviti akan datang. • Mesyuarat bersama staf teknikal FKTM B dan FKTM C akan dibuat pada masa terdekat. • En. Masri Zairi Mohd Zin menyatakan bahawa perlunya penyimpanan buangan terjadual di dalam stor yang tertutup dan mempunyai pengaliran udara keluar (sistem ekzos fan) berdasarkan panduan dan rujukan pengurus buangan terjadual yang disediakan oleh COSHE. En. Masri Zairi Mohd Zin diminta bersama Ts. Liyana Jamaludin untuk menilai stor simpanan buangan terjadual yang terdapat di FKTM dan memberi nasihat kepada JPKPKP dengan sewajarnya. • En. Masri Zairi Mohd Zin menyatakan bahawa ada keperluan untuk mempamerkan papan tanda "DANGER" dan "Scheduled Wastes Storage". FKTM memaparkan dengan kertas A4 yang dilaminated. Akan membuat cadangan untuk membuat dan membeli papan tanda setelah pihak COSHE menyelaraskan dan menyeragamkan reka bentuk papan tanda tersebut. • Semua penyelarasan pengurusan buangan terjadual diminta untuk menyimpankan semua dokumen yang berkaitan dengan jawatankuasa pengurusan buangan terjadual dalam google drive JPKPKP. 	<p style="text-align: center;">-</p> <p style="text-align: center;">-</p> <p style="text-align: center;">JPBT</p> <p style="text-align: center;">JPBT</p> <p style="text-align: center;">JPBT</p> <p style="text-align: center;">JPBT</p> <p style="text-align: center;">JPBT</p>
14	<p><i>Pembentangan status terkini dan perancangan 2023 oleh penyelarasan pengurusan keselamatan mekanikal FKTM</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Disebabkan penyelarasan pengurusan keselamatan mekanikal FKTM tidak dapat menghadiri diri, maka Tc. Narzrezal Abdul Razak dipohon untuk membentangkan <ul style="list-style-type: none"> i. Status terkini pengurusan keselamatan mekanikal ii. Perancangan tahun 2023 untuk pengurusan keselamatan mekanikal iii. Perkara-perkara yang memerlukan perhatian iv. Senarai butiran yang memerlukan peruntukan dalam 2023 v. Senarai butiran yang memerlukan peruntukan dalam 2024 atau secara ulangan pada mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 3/2023 yang akan datang. • Penyelarasan pengurusan keselamatan mekanikal diminta untuk menyimpankan semua dokumen yang berkaitan dengan jawatankuasa pengurusan keselamatan mekanikal dalam google drive JPKPKP. 	<p style="text-align: center;">JPKM</p> <p style="text-align: center;">JPKM</p>
15	<p><i>Pembentangan status terkini dan perancangan 2023 oleh penyelarasan pengurusan pasukan tindak balas kecemasan FKTM</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • En. Masri Zairi Mohd Zin melaporkan status jawatankuasa pengurusan pasukan tindak balas kecemasan. • Turut dipaparkan carta organisasi ERT FKTM A. • Setiausaha menyatakan bahawa Pusat Kesihatan Universiti (PKU) telah menghantar 3 wakil ke pasukan ERT FKTM A, iaitu Dr. Ahmad Zulhafizi, MA Mohammad Nasrul Naim, dan SN Nurzaitun. 	<p style="text-align: center;">-</p> <p style="text-align: center;">-</p> <p style="text-align: center;">-</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan dengan FKTM masih berjalan untuk menghantar wakil mereka ke pasukan ERT FKTM A. • Wakil-wakil ERT FKTM B telah berjaya dimasukkan dalam carta organisasi ERT FKTE. • Walaupun FKTM telah menghantarkan wakil-wakil ERT ke ERT FKTK di kampus UniCITI, masih tiada sebarang kemaskini untuk carta organisasi ERT FKTK. • Mesyuarat bil. 1/2023 untuk pasukan ERT FKTM A telah dilakukan pada 17 April 2023 di FKTM A5. Pasukan ERT FKTM A telah merancang untuk mengadakan latihan pengungsiang bangunan seawal awal tahun 2024. • Video keselamatan FKTM masih dalam proses penyediaan dan tinggal fasa terakhir untuk masuk ke suara. En. Masri Zairi Mohd Zin diminta untuk melengkapkan video keselamatan sebelum permulaan sem baharu untuk pengajian diploma agar dapat diedarkan kepada tenaga pengajar pengajian diploma. • Pasukan ERT FKTM diminta untuk mengemaskini maklumat/info kebakaran seperti pelan laluan kecemasan, prosedur kecemasan, talian kecemasan, papan tanda keselamatan dan maklumat pasukan ERT. • Pasukan ERT FKTM A turut dipohon untuk memastikan semua peralatan pencegah kebakaran berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan pada bila-bila masa, dan laluan kecemasan sentiasa bebas dari sebarang halangan. • Cadangan untuk mewujudkan borang taklimat keselamatan yang perlu diisi oleh semua pelajar sebelum menggunakan sesuatu peralatan. • En. Masri Zairi Mohd Zin menerangkan kepatuhan garis panduan penyediaan peti pertolongan cemas. Terdapat cadangan untuk menyediakan peti pertolongan cemas yang mematuhi semua peralatan yang disyorkan dalam garis panduan, manakala peti pertolongan cemas di kebanyakan makmal adalah hanya mengandungi perubatan yang minimum. Masih dalam perbincangan dengan pihak COSHE. • Pensijilan semula pemadam api di bawah tanggungan FKTM akan berlangsung pada 8 Mei 2023. • En. Masri Zairi Mohd Zin dipohon untuk menyedai senarai yang memerlukan peruntukan dan bentangkan dalam JPKPKP untuk permohonan budget untuk mengerakkan jawatankuasa pengurusan pasukan tindak balas kecemasan. • Penyelaras pengurusan pasukan tindak balas kecemasan diminta untuk menyimpan semua dokumen yang berkaitan dengan jawatankuasa pengurusan tindak balas kecemasan dalam google drive JPKPKP. 	<p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>JPERT</p> <p>JPERT</p> <p>-</p> <p>JPERT</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>JPERT</p> <p>JPERT</p>
16	<p>Hal-hal berbangkit</p> <ul style="list-style-type: none"> • Usul-usul yang bakal dicadangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) kali ke-57 Bil. 2/2023 UniMAP. <ul style="list-style-type: none"> i. Pemasangan sistem ekzos dalaman di FKTM C05 & FKTM C07. ii. Penambahbaikan keadaan lantai di FKTM B07 & FKTM B08. iii. Akses data kes kemalangan di pelaporan SHE. iv. Penyelaras tarikh-tarikh pelantikan pengurus/penyelaras pengurusan risiko keselamatan yang bakal tamat tempoh. v. Penyelaras ERT di peringkat Universiti dan wujudkan satu media komunikasi antara komender insident. vi. Penedaran siji-sijil kursus-kursus kompetensi melalui JKPP PTj agar menyenangkan proses rekod. vii. Ketidaktutupan laporan-laporan NCR yang diterima oleh FKTM. • Pensijilan semula pemadam api (8 Mei 2023). Wakil FKTM A ialah Tc. Narzrezal Abdul Razak, FKTM B ialah En. Norzarul Asri Kamis dan FKTM C ialah En. Rosiswardi Rusli. Nombor telefon wakil-wakil FKTM akan diberikan kepada kontraktor yang terlibat untuk melicinkan proses pensijilan semula. • Dekan bersetuju bahawa laporan-laporan yang berkaitan dengan JPKPKP FKTM adalah berstatus terbuka untuk diakses oleh orang ramai memandangkan ia terbabit dengan keutamaan orang ramai. 	<p>Setiausaha</p> <p>-</p> <p>-</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
17	<p>Penutup oleh pengerusi JPKPKP FKTM</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ucapan terima kasih dan memohon agar semua ahli JPKPKP FKTM untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberi. • Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari. 	<p>-</p> <p>-</p>


Disediakan oleh:



(Ts. Dr. Tan Wee Choon)

Setiausaha / Pengurus JPKPKP FKTM

Disahkan oleh:



(Prof. Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid)

Pengerusi JPKPKP FKTM